



كِرَاءَانِ نِغْرِي كِدَاهِ دَارُ الْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my

كِدَاهُ سَاجِدَةً
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : (13) dlm PKw.N(K) 1521 Jld 4
Tarikh : 29 Syaaban 1445 H
10 Mac 2024 M

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Seri / YB Dato' / YBhg. SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 2/2024 **PERATURAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2024**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri berkaitan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 sebanyak RM1,000.00 dibayar kepada semua gred Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk lantikan kontrak dan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN

3.1 Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 ini akan diberi kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman **yang masih berkhidmat sehingga 26 Mac 2024**. Bayaran ini akan dibuat secara **prorata** berdasarkan bilangan hari perkhidmatan sepanjang 1 Januari hingga 26 Mac 2024.

3.2 Bagi pegawai negeri yang bertukar keluar ke Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 hendaklah dibayar oleh agensi yang menerima pegawai. Manakala bagi pegawai yang bertukar dari Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke Jabatan Negeri, bayaran akan dibuat oleh Jabatan Negeri yang berkenaan.

4. **TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 sebanyak RM1,000.00 ini akan dibayar pada **26 Mac 2024**.

5. **PEGAWAI / ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI YANG LAYAK DIBAYAR**

Tertakluk kepada perenggan 3 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 adalah seperti berikut:

- 5.1 Pegawai lantikan tetap, kontrak dan Guru Interim;
- 5.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 5.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 5.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji (dibayar berdasarkan tempoh berkhidmat sepanjang 1 Januari hingga **26 Mac 2024**);
- 5.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan (BKK) ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;
- 5.6 Pegawai lantikan baharu (hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari dalam tahun 2024);
- 5.7 Pegawai kontrak yang berkhidmat sepanjang 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024 ditukar lantik ke jawatan tetap di jabatan negeri
- 5.8 Pegawai yang bersara dalam tempoh 24 Februari 2024 hingga 25 Mac 2024 dibayar secara pro-rata; dan
- 5.9 Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah (hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari dalam tahun 2024).

6. **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR**

Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 adalah :

- 6.1 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024;
- 6.2 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024;

- 6.3 Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024;
- 6.4 Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 23 Februari 2024; dan
- 6.5 Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024.

7. **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)**

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

8. **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 26 Mac 2024 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang kurangnya 30 hari dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 26 Mac 2024.

9. **PERATURAN PERLAKSANAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2024**

- 9.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di mana gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-
 - i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
 - ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerima bayaran sepenuhnya atau yang memerlukan kiraan prorata.

**Contoh perkiraan : RM1,000 x HARI BERKHIDMAT
86 HARI**

iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:

- a) Bersara
- b) Meninggal dunia
- c) Tindakan tatatertib
- d) Letak Jawatan
- e) Cuti Tanpa Gaji

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri; dan

iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”

(Tandatangan & Cop Jabatan)

v. Laporan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman selewat-lewatnya pada hari **Isnin, 18 Mac 2024 jam 12.00 tengah hari.**
Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 dibayar lewat.

vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

9.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

9.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2024 sahaja.

9.4 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2024 adalah seperti berikut:-

KOD SODO	PERIHAL
B0117102	Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024
B0229306	Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 Pekerja sementara / sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.

10. **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

11. **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tel : 04-7027770 / 7771 / 7772 / 7773 / 7774

Emel : pkpk_emolumen@kedah.gov.my

Zaide/Nisa

s.k. YB Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Audit Negara, Negeri Kedah Darul Aman